

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK FAKULTI KEJURUTERAAN

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di **Fakulti Kejuruteraan** seperti berikut:

UH6524001 KEJURUTERAAN KIMIA	
1.	Rekabentuk Proses dan Simulasi (Process Design & Simulation)
2.	Keselamatan Proses (Process Safety)
3.	Rekabentuk Produk (Product Design)
UH6523001 KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	
1.	Pemprosesan Isyarat (Signal Processing)
2.	Kawalan dan Automasi (Control and Automation)
UH6521001 KEJURUTERAAN MEKANIKAL	
1.	Kejuruteraan Pembuatan/Industri (Manufacturing/Industrial Engineering)
2.	Kejuruteraan Bahan (Material Engineering)
3.	Kawalan dan Automasi Industri (Industrial Automation and Control)
4.	Mekatronik (Mechatronic)
UH6523002 KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER)	
1.	Keselamatan Komputer dan Keselamatan Rangkaian/Keselamatan Siber (Computer Security & Networking /Cybersecurity)
2.	Keakitekuran Komputer/Mikropemproses (Computer Architecture /Microprocessors)
3.	Rekabentuk Perisian dan Pengoptimuman (Software Design and Optimization)
4.	Teori Komputasi (Computational Theory)
5.	Komunikasi Data (Data Communication)
6.	Robotik dan Automasi (Robotics & Automation)
UH6524002 KEJURUTERAAN MINYAK DAN GAS	
1.	Kejuruteraan Petroleum (Petroleum Engineering)
2.	Geologi (Geology)
3.	Kejuruteraan Kimia (Chemical Engineering)

JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS51/DS53/KHAS C)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan
ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- ii. Mempunyai latarbelakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- iii. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);
- iv. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- v. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh : calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);
- vi. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- vii. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51 :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus
- i. Memiliki Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - iii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
 - iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

Gaji Permulaan : RM5,855.00



KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS53 :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : memenuhi syarat lantikan di Gred DS51 dan;
- i. mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan
- Gaji Permulaan : RM6,162.00

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR GRED KHAS C :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : memenuhi syarat lantikan di Gred DS51 dan;
- i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
 - iii. mempunyai rekod dalam penerbitan yang berimpak tinggi; dan
 - iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan
- Gaji Permulaan : RM7,676.00

SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria seperti berikut:

1. Calon dengan kelayakan Jurutera Profesional (PE/PEPC) akan mendapat keutamaan;
2. Mempunyai penerbitan dalam jurnal berindeks (ERA/SCOPUS/WOS);
3. Mempunyai pengalaman sebagai ketua dan ahli dalam geran penyelidikan sama ada di peringkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa;
4. Mempunyai pengalaman menyelia pelajar pascasiswazah;
5. Mempunyai Mempunyai pengalaman bekerja dalam industri bagi bidang-bidang yang berkaitan.



CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Pejabat Pentadbiran Fakulti Kejuruteraan melalui emel bahagianpentadbiranfkj@ums.edu.my

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Mac 2024**.

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Fakulti Kejuruteraan:

MOHD ZAIDIE BIN ADILAI

Ketua Pentadbiran

Pejabat Pentadbiran FKJ

No. Tel. : 088-320000 (No. Samb. : 101046)

Emel : zaidie@ums.edu.my